

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mewujudkan institusi pertanian di daerah Segamat dalam usaha untuk memajukan sektor pertanian di daerah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Perkembangan sektor pertanian memerlukan pekerja mahir dan graduan dalam bidang pertanian bagi mengukuhkan industri pertanian negara. Penubuhan institusi pertanian merupakan satu cadangan yang baik untuk melahirkan pekerja mahir dan graduan bidang pertanian. Perkara ini turut dinyatakan di dalam Blueprint Hab Pertanian, BPEN (Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri), di mana sebuah institusi latihan perladangan telah dicadangkan untuk diwujudkan di daerah Segamat. Namun begitu, cadangan tersebut masih di peringkat pertimbangan ekoran kewujudan beberapa institusi pendidikan sedia ada seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Komuniti 1 dan 2 serta Kolej Tunku Abdul Rahman di Segamat.

2. Buat masa ini, Jabatan Pertanian Negeri Johor mempunyai pusat latihan petani yang dikenali sebagai Pusat Pertanian Jementah. Pusat ini terletak 20 km daripada bandar Segamat dan menawarkan kursus dan latihan dalam bidang industri asas tani kepada petani, usahawan pertanian dan orang awam yang berminat menceburi bidang tersebut.

3. Jabatan Pertanian juga mempunyai sebuah Institut Pertanian yang terletak di Ayer Hitam, Batu Pahat iaitu lebih kurang 90 km dari Bandar Segamat. Institut Pertanian Ayer Hitam (IPAH) ini menawarkan Program Sijil Pertanian dan Program Sijil Kemahiran Malaysia kepada lepasan SPM atau setaraf yang dapat menampung seramai 200 orang pelatih bagi setiap sesi pengambilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) statistik ketidakhadiran pelajar ke sekolah terutama di kawasan FELDA, luar bandar dan bandar; dan
- (b) punca dan langkah penyelesaian masalah ini untuk jangka masa panjang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tempoh Januari hingga November tahun 2018, purata kehadiran murid sekolah FELDA ialah 93.3 peratus bagi 270 buah sekolah rendah dan 89.9 peratus bagi 101 buah sekolah menengah. Manakala purata kehadiran murid bagi seluruh Malaysia sama ada bandar atau luar bandar ialah 93.5 peratus untuk sekolah rendah dan 91.2 peratus untuk sekolah menengah.
- (b) Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti menjadi punca salah laku ponteng sekolah iaitu:
- i. Murid mempunyai konsep sendiri yang rendah serta kurang motivasi diri untuk mengikuti sesi pembelajaran di sekolah, kurang minat terhadap akademik dan bersikap mementingkan hiburan daripada pelajaran.
  - ii. Suasana keluarga yang tidak tenteram disebabkan pergaduhan, konflik, perpisahan atau kematian ibu bapa, kemiskinan dan desakan untuk bekerja bagi membantu keluarga.
  - iii. Pengaruh rakan sebaya yang mengajak kepada perkara negatif.
  - iv. Suasana sekolah yang kurang menarik pada pandangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memandang serius isu ponteng sekolah dalam kalangan murid. Antara langkah penyelesaian yang telah diambil adalah dengan mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran bagi tujuan penegasan kepada pihak sekolah agar sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menangani isu ponteng sekolah dalam kalangan murid.

Kerjasama pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) turut berfokus untuk membantu mengesan murid yang didapati ponteng sekolah dan berada di luar kawasan sekolah untuk memujuk murid supaya hadir ke sekolah. Pihak sekolah turut mengadakan aktiviti ziarah cakna ke atas keluarga murid yang didapati kerap melakukan salah laku

## NO. SOALAN : 18

ponteng sekolah bagi mengenal pasti punca utama masalah tersebut. Ziarah Cakna dilaksanakan oleh guru di sekolah KPM dengan bantuan daripada pihak PIBG bagi memperluas konsep sekolah penyayang dan memperkukuh hubungan antara sekolah dengan ibu bapa, penjaga dan murid. Murid yang dikesan melakukan salah laku ponteng sekolah pula akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk tujuan intervensi khusus bagi mengesan punca sebenar salah laku tersebut

Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah juga melaksanakan Program Ops Ponteng dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan serta PDRM. Tujuan program tersebut adalah untuk mengesan dan memujuk murid yang dikesan ponteng sekolah dalam daerah masing-masing. Murid akan diserahkan kepada pihak sekolah untuk diadakan sesi kaunseling secara berfokus oleh guru bimbingan dan kaunseling.

Selain itu, KPM menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jawatankuasa Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak JKM. Jawatankuasa ini berperanan membantu kebajikan murid-murid yang ada isu berkaitan kemiskinan.

Selain itu, KPM juga sentiasa memastikan Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) di peringkat sekolah, PPD dan JPN berjalan seperti yang diarahkan. JPMC berperanan untuk mengesan murid yang didapati cicir dan mengambil tindakan sewajarnya untuk kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

RJM63